

KEMPEN PEROLEHAN EKSKLUSIF DALAM TALIAN KAD KREDIT

TEMPOH KEMPEN

“Kempen Perolehan Dalam Talian Kad Kredit Holiyay 2.0” (“Kempen”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“HLB”) bermula pada **1 September 2020** pukul 00:00:00 jam (12:00 pagi) dan berakhir pada **31 Disember 2020** pukul 23:59:59 jam (11:59 malam), termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”), melainkan dinyatakan sedemikian atau sebaliknya.

TERMA DAN SYARAT

Terma dan syarat Kempen ini adalah seperti berikut:

KELAYAKAN

1. Kempen ini terbuka kepada semua Pemegang Kad Kredit Utama HLB baharu (“**Pemegang Kad Utama NTC**”) yang, semasa Tempoh Kempen, telah memohon Kad Layak seperti mana tersebut dalam Jadual 1 tertera di bawah ini melalui laman web HLB di www.hlb.com.my (“**Laman Web HLB**”) atau Perbankan Dalam Talian Hong Leong Connect (“**Connect**”) dengan cara mengisi borang permohonan kad kredit HLB dalam talian dan memuat naik semua dokumen sokongan yang diperlukan ke Laman Web HLB atau Connect.
2. Untuk memohon Kad Layak melalui Connect, Pemegang Kad Utama NTC mestilah terlebih dahulu menjadi pengguna berdaftar Connect.

Jadual 1: Kad-kad Layak bagi Kempen

Kad Layak	
VISA	KAD KREDIT MASTERCARD
Infinite	Emirates World Elite
AirAsia Gold/Platinum	Emirates World
GSC Gold/Platinum	Emirate Platinum
Sutera Platinum	The Store Gold/Platinum
WISE Gold	Pacific Gold/Platinum
Essential Gold	Sutera Platinum
	l'm

3. Pemegang Kad Utama NTC adalah pemegang kad baharu yang merupakan warga Malaysia dan yang tidak memegang sebarang kad kredit HLB sedia ada (termasuk Mach) sebelum Tempoh Kempen dan tertakluk kepada Terma & Syarat seperti mana tersebut di bawah Fasal 4 di bawah.
4. Golongan berikut **TIDAK** dianggap Pemegang Kad Utama NTC dan **TIDAK** layak menyertai Kempen ini:
 - (i) pemegang kad utama sedia ada mana-mana kad kredit HLB;

- (ii) pemegang kad yang akaun kad kredit HLB mereka tertunggak;
- (iii) pemegang kad yang telah membatalkan kad kredit HLB mereka dan telah memohon semula kad kredit HLB baharu (termasuk mana-mana satu Kad Layak) sebagai pemegang kad utama dalam masa dua belas (12) bulan dari tarikh pembatalan tersebut;
- (iv) pemegang kad yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB dan/atau Hong Leong Islamic Bank (“**HLISB**”) atau telah diisytiharkan bankrap (menurut petisyen oleh sama ada bank atau mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kebangkrapan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Kempen; dan
- (v) kakitangan HLB dan/atau HLISB sedia ada.

5. Bagi tujuan Kempen ini: -

- (i) semua permohonan Kad Layak oleh Pemegang Kad Utama NTC sama ada melalui Laman Web HLB atau Connect adalah tertakluk kepada kelulusan HLB dan semua permohonan mestilah diluluskan selewat-lewatnya **31 Januari 2021**; dan
- (ii) semua Kad Layak yang diluluskan mestilah diaktifkan melalui Connect atau Khidmat Pesanan Ringkas (“**SMS**”) dalam masa empat puluh lima (45) hari dari tarikh kelulusan Kad Layak supaya Pemegang Kad Utama NTC layak menyertai Kempen ini (“**Pemegang Kad Layak**”).

KAEDAH KEMPEN

6. Tertakluk pada syarat Fasal 5 di atas ini dipenuhi, Pemegang Kad Layak berhak menikmati tawaran berikut:

(a) Pengecualian Fi Tahunan

- (i) Pemegang Kad Layak, yang telah melakukan minimum satu (1) Perbelanjaan Runcit (seperti mana ditakrif dalam Fasal 7 di bawah) berapa pun amaunnya bagi setiap Kad Layak yang diluluskan dan dikeluarkan oleh HLB di bawah Kempen ini dalam masa empat puluh lima (45) hari dari Tarikh Pengaktifan, akan berhak menikmati pengecualian fi tahunan bagi tahun pertama (“**Pengecualian Fi Tahunan**”).
- (ii) Pemegang Kad Emirates World Elite, Emirates World dan Emirates Platinum akan berhak menikmati Pengecualian Fi Tahunan tanpa perlu memenuhi kriteria tersebut di atas dalam Fasal 6(a)(i).

(b) Rebat RM25

- (i) Pemegang Kad Layak yang telah melakukan minimum satu (1) Perbelanjaan Runcit (seperti mana ditakrif dalam Fasal 7 di bawah) berapa pun amaunnya bagi setiap Kad Layak yang diluluskan dan dikeluarkan oleh HLB di bawah Kempen ini dalam masa empat puluh lima (45) hari dari Tarikh Kelulusan, akan berhak menerima Rebat Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima (RM25) bagi setiap Kad Layak.

- (ii) Peruntukan Rebat Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima (RM25) dihadkan setakat maksimum tiga ribu (3,000) Kad Layak atas dasar siapa-cepat, dia-dapat sepanjang Tempoh Kempen.
- (iii) Sekiranya Pemegang Kad layak telah memenuhi syarat-syarat yang tersebut di atas, Rebat RM25 akan dikreditkan ke dalam akaun Pemegang Kad Layak sebelum 31 Mei 2021 ("**Tarikh Pemberitahuan**"). Pemegang Kad Layak akan diberitahu oleh HLB dengan cara menyiarkan senarai Pemegang Kad Layak (nama Pemegang Kad Utama dan/atau nombor Kad Layak terlindung) dalam Laman Web HLB tidak lewat daripada Tarikh Pemberitahuan.
- (iv) Sekiranya Rebat RM25 tidak diterima, Pemegang Kad Layak hendaklah memberitahu HLB selewat-lewatnya 30 Jun 2021, jika gagal berbuat demikian maka Pemegang Kad Layak dianggap telah menerima Rebat RM25 itu.
- (v) HLB tidak mempunyai apa apa kewajipan untuk memberitahu Pemegang Kad Layak sekiranya Rebat Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima (RM25) telah mencecah peruntukan maksimum tiga ribu (3,000) Kad Layak sepanjang Tempoh Kempen semasa atau sebelum tamatnya Tempoh Kempen.

(c) Pulangan Tunai sehingga RM100

- (i) Pemegang Kad Layak adalah berhak untuk menerima satu (1) Pulangan Tunai bernilai sama ada Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100) atau Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50) ("**Pulangan Tunai**") sekiranya Pemegang Kad Layak telah memenuhi kriteria seperti mana tertera dalam Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Pulangan Tunai

Pulangan Tunai	Peruntukan Pulangan Tunai	Kriteria
Pulangan Tunai RM100	RM47,500 bagi Tempoh Kempen <ul style="list-style-type: none"> • Jumlah terhad kepada empat ratus tujuh puluh lima (475) Pemegang Kad Layak sepanjang Tempoh Kempen, atas dasar siapa-cepat dia dapat. 	Pemegang Kad Layak yang telah melakukan Perbelanjaan Runcit terkumpul (seperti mana ditakrif dalam Fasal 7 di bawah) minimum Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) menggunakan Kad Layak yang diluluskan dan dikeluarkan oleh HLB di bawah Kempen ini dalam masa tiga puluh (30) hari dari Tarikh Pengaktifan akan berhak menerima Pulangan Tunai Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM100) (" Pulangan Tunai RM100 ").
Pulangan Tunai RM50	RM20,000 bagi Tempoh Kempen <ul style="list-style-type: none"> • Jumlah terhad kepada empat ratus (400) Pemegang Kad Layak sepanjang Tempoh Kempen, atas dasar siapa-cepat, dia-dapat. 	Pemegang Kad Layak yang telah melakukan Perbelanjaan Runcit terkumpul (seperti mana ditakrif dalam Fasal 7 di bawah) minimum Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200) menggunakan Kad Layak yang

		diluluskan dan dikeluarkan oleh HLB di bawah Kempen ini dalam masa tiga puluh (30) hari dari Tarikh Pengaktifan akan berhak menerima Pulangan Tunai Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50) (Pulangan Tunai RM50 ”).
--	--	--

- (ii) Perbelanjaan Runcit yang dilakukan oleh Pemegang Kad Tambahan di bawah akaun Pemegang Kad Layak Utama yang sama akan diambil kira dalam Perbelanjaan Runcit terkumpul minimum Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) atau Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200) supaya Pemegang Kad Utama berhak menerima Pulangan Tunai RM100 atau Pulangan Tunai RM50 masing-masing.
- (iii) Setiap Pemegang Kad Layak hanya berhak menerima Pulangan Tunai **satu (1) kali sahaja**, sama ada Pulangan Tunai RM100 atau Pulangan Tunai RM50 sepanjang Tempoh Kempen.
- (iv) Peruntukan Pulangan Tunai RM100 bagi Kempen ini dihadkan setakat Ringgit Malaysia Empat Puluh Tujuh Ribu Lima Ratus (RM47,500) sepanjang Tempoh Kempen atas dasar siapa-cepat,dia-dapat.
- (v) Peruntukan Pulangan Tunai RM50 bagi Kempen ini dihadkan setakat Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu (RM20,000) sepanjang Tempoh Kempen atas dasar siapa-cepat,dia-dapat.
- (vi) Sekiranya Pemegang Kad Layak telah memenuhi syarat-syarat yang tersebut di atas, Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam akaun Pemegang Kad Layak sebelum 31 Mei 2021 (“**Tarikh Pemberitahuan**”). Pemegang Kad Layak akan diberitahu oleh HLB dengan cara menyiarkan senarai Pemegang Kad Layak (nama Pemegang Kad Utama, nombor Kad Layak terlindung dan/atau amaun Pulangan Tunai) dalam Laman Web HLB tidak lewat daripada Tarikh Pemberitahuan.
- (vii) Sekiranya Pulangan Tunai tidak diterima, Pemegang Kad Layak hendaklah memberitahu HLB selewat-lewatnya 30 Jun 2021, jika gagal berbuat demikian maka Pemegang Kad Layak dianggap telah menerima Pulangan Tunai itu.
- (viii) HLB tidak mempunyai apa apa kewajipan untuk memberitahu Pemegang Kad Layak sekiranya Pulangan Tunai telah mencecah peruntukan maksimum sama ada sebanyak Ringgit Malaysia Empat Puluh Tujuh Ribu Lima Ratus (RM47,500) sepanjang Tempoh Kempen bagi Pulangan Tunai RM100 dan/atau Ringgit Malaysia Dua Puluh Ribu (RM20,000) sepanjang Tempoh Kempen bagi Pulangan Tunai RM50 semasa atau sebelum tamatnya Tempoh Kempen.

(d) Pemberian Ikhlas bagi Permohonan Dalam Talian

- (i) Pemegang Kad Layak yang telah melakukan Perbelanjaan Runcit terkumpul (seperti mana ditakrif di bawah Fasal 7 di bawah) minimum Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) menggunakan Kad Layak yang diluluskan dan dikeluarkan oleh HLB di bawah Kempen ini dalam masa tiga puluh (30) hari dari Tarikh Pengaktifan akan dipilih atas dasar siapa-cepat,dia-dapat untuk turut berhak memenangi satu (1) unit peti sejuk mini (“**Pemberian**”) di samping Pulangan Tunai RM100.

- (ii) Sekiranya Pemegang Kad Layak telah memenuhi syarat-syarat yang tersebut di atas, Pemegang Kad Layak akan diberitahu oleh HLB dengan cara menyiarkan senarai Pemegang Kad Layak (nama Pemegang Kad Utama dan/atau nombor Kad Layak terlindung) dalam Laman Web HLB tidak lewat dari 30 April 2021.
 - (iii) Peruntukan Pemberian bagi Kempen ini dihadkan setakat dua ratus lima puluh (250) unit setiap bulan semasa Tempoh Kempen, iaitu berjumlah satu ribu (1,000) unit sepanjang Tempoh Kempen atas dasar siapa-cepat, dia-dapat.
 - (iv) HLB tidak mempunyai apa apa kewajipan untuk memberitahu Pemegang Kad Layak sekiranya Pemberian itu telah mencecah peruntukan maksimum dua ratus lima puluh (250) unit setiap bulan semasa Tempoh Kempen, iaitu berjumlah satu ribu (1,000) unit sepanjang Tempoh Kempen semasa atau sebelum tamatnya Tempoh Kempen.
 - (v) Pemberian akan dihantar oleh GD Express Sdn Bhd (juga dikenali dengan nama GDEX, iaitu penyedia perkhidmatan kurier yang dilantik oleh HLB) ke alamat Pemegang Kad Layak berpandukan maklumat terkini seperti mana terdapat dalam rekod HLB. Pemberian akan dihantar sebelum 31 Mei 2021 ("**Tarikh Penghantaran**").
 - (vi) Pemegang Kad Layak mempunyai kewajipan untuk memberikan nombor telefon dan alamat pos yang terkini, sah dan tepat kepada HLB dan HLB tidak akan bertanggungjawab jika Pemegang Kad Layak tidak menerima Pemberian itu.
 - (vii) Sekiranya Pemegang Kad Layak yang telah menerima pemberitahuan di bawah Fasal 6(d)(ii) di atas tidak menerima Pemberian selepas Tarikh Penghantaran yang berkenaan, Pemegang Kad Layak hendaklah memberitahu HLB secara bertulis sebelum 30 Jun 2021, jika gagal berbuat demikian maka Pemegang Kad Layak akan dianggap telah menerima Pemberian tersebut.
 - (viii) HLB tidak memberi representasi atau waranti berkenaan kualiti atau kesesuaian Pemberian kepada Pemegang Kad Layak dan HLB tidaklah bertanggungjawab untuk mengganti mana-mana Pemberian yang hilang, kecurian, rosak atau cacat (sama ada disebabkan kecacatan bahan atau mutu kerja oleh syarikat pembuat di bawah waranti atau tidak). Pemegang Kad Layak hendaklah, atas kos dan perbelanjaan sendiri, berurusan terus dengan vendor atau pembekal bagi apa-apa aduan, pertikaian atau tuntutan berkaitan dengan Pemberian itu tanpa bantuan HLB.
- (e) **AirAsia Tambahan 1x BIG Points**
- (i) Pemegang Kad Layak yang telah memohon Kad AirAsia Gold/Platinum ("**Kad AirAsia**") dan melakukan Perbelanjaan Runcit minimum Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50) ("**Pemegang Kad Layak**") dalam masa enam puluh (60) hari dari Tarikh Pengaktifan Kad AirAsia adalah layak menerima kadar Pengumpulan BIG Points biasa dan tambahan 1x BIG Points ("**Bonus BIG Points**") seperti mana tertera dalam Jadual 3 di bawah:

Jadual 3: Promo Perolehan AirAsia

Kategori Perbelanjaan	Kad Kredit AirAsia Platinum	Kad Kredit AirAsia Gold	Kad Kredit AirAsia Platinum	Kad Kredit AirAsia Gold
	Bukan Tempoh Promosi		Semasa Tempoh Promosi*	
Transaksi Runcit AirAsia	MYR 1 = 1 BIG Point	MYR 1 = 1 BIG Point	MYR 1 = 2 BIG Point	MYR 1 = 2 BIG Point
Transaksi Runcit Dalam Negara	MYR 3 = 1 BIG Point	MYR 5 = 1 BIG Point	MYR 3 = 2 BIG Point	MYR 5 = 2 BIG Point
Transaksi Runcit Luar Negara	MYR 2 = 1 BIG Point	MYR 2 = 1 BIG Point	MYR 2 = 2 BIG Point	MYR 2 = 2 BIG Point

*Bonus BIG Points diberikan kepada Pemegang Kad Layak berdasarkan jumlah amaun tercatat mata wang Ringgit Malaysia (RM) bagi Perbelanjaan Runcit terkumpul dengan menggunakan Kad AirAsia semasa tempoh promosi enam puluh (60) hari dari tarikh pengaktifan kad ("**Tempoh Promosi**").

- (i) Setiap Pemegang Kad Layak hanya berhak menerima maksimum tiga ribu (3,000) Bonus BIG Points sepanjang Tempoh Kempen.
 - (ii) Peruntukan Bonus BIG Points dihadkan setakat jumlah tiga ribu (3,000) Pemegang Kad Layak sepanjang Tempoh Kempen atas dasar siapa-cepat, dia-dapat.
 - (iii) Sekiranya Pemegang Kad Layak telah memenuhi syarat-syarat yang tersebut di atas, maka Bonus BIG Points akan dikreditkan ke dalam akaun BIG Member Pemegang Kad Layak sebelum 30 Jun 2021 ("**Tarikh Pemberitahuan**"). Pemegang Kad Layak akan diberitahu oleh HLB dengan cara menyiarkan senarai Pemegang Kad Layak (nama Pemegang Kad Utama, nombor Kad Layak terlindung dan/atau Bonus Big Points) dalam Laman Web HLB tidak lewat daripada Tarikh Pemberitahuan.
 - (iv) Sekiranya Bonus Big Points tidak diterima, Pemegang Kad Layak hendaklah memberitahu HLB sebelum 31 Julai 2021, jika gagal berbuat demikian Pemegang Kad Layak akan dianggap telah menerima Bonus BIG Points.
 - (v) HLB tidak berkewajipan memberitahu Pemegang Kad Layak sekiranya Bonus BIG Points telah mencecah peruntukan maksimum lima ratus (500) Pemegang Kad Layak sepanjang Tempoh Kempen semasa atau sebelum tamatnya Tempoh Kempen.
7. Perbelanjaan Runcit adalah mana-mana pembelian runcit dan pembelian dalam talian (termasuk arahan tetap dan Pelan Bayaran Mudah 0% Faedah ("**EPP**")) yang dilakukan dalam negara dan/atau luar negara (termasuk perbelanjaan yang dilakukan dalam Ringgit Malaysia ("**RM**") dan/atau mata wang lain) yang telah berjaya dicaj kepada Kad Layak. Pembelian runcit

yang dibuat dalam mata wang selain RM akan ditukar kepada dan dikira dalam RM berdasarkan kadar penukaran yang ditentukan oleh HLB pada masa transaksi dibuat.

8. Perbelanjaan Runcit **tidak termasuk** yang berikut:
- (i) Pengeluaran tunai dengan apa-apa cara (iaitu Mesin Juruwang Automatik, melalui kaunter, kuasi tunai, pendahuluan tunai, dll.);
 - (ii) Produk portfolio seperti Pindahan Baki (“**BT**”), Call-For-Cash Plus (“**CFC Plus**”), Call-For-Cash (“**CFC**”) dan Pelan Bayaran Fleksi (“**FPP**”);
 - (iii) Transaksi JomPAY dan transaksi berkaitan kerajaan;
 - (iv) Transaksi yang dibayar balik, dipertikaikan, tidak berjaya, dibalikkan, tanpa kebenaran, melibatkan penipuan atau menyalahi undang-undang; dan/atau
 - (v) Apa-apa bentuk perkhidmatan atau fi pelbagai, termasuk caj kewangan dan fi seperti fi tahunan kad kredit, caj bayaran lewat dan cukai perkhidmatan kerajaan, yang dikenakan oleh HLB.

TERMA & SYARAT AM

9. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad HLB:
- (i) bersetuju mereka telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat di dalam ini, Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit yang boleh disemak di Laman Web HLB;
 - (ii) bersetuju semua rekod tarikh transaksi di dalam atau di luar Malaysia yang dirakamkan oleh sistem HLB dalam Kempen ini adalah tepat dan muktamad;
 - (iii) bersetuju keputusan HLB atas segala hal berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh pemegang Kad Layak;
 - (iv) bersetuju Pengecualian Fi Tahunan, Rebat RM25, Pulangan Tunai, Pemberian dan Bonus BIG Points tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai atau manfaat barangan;
 - (v) bersetuju untuk mengakses Laman Web HLB dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat Kempen ini, untuk memastikan mereka sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat dan melakukan susulan kepada HLB jika mereka telah disenaraikan berhak menerima Pengecualian Fi Tahunan dan/atau Rebat RM25 dan/atau Pulangan Tunai dan/atau Pemberian dan/atau Bonus BIG Points;
 - (vi) memberi keizinan kepada HLB untuk mendedahkan atau menyiarkan nama mereka, nombor ID (dalam bentuk terlindung), nombor Kad Layak (dalam bentuk terlindung) dan/atau foto mereka dalam Laman Web HLB;
 - (vii) membenarkan HLB untuk mendedahkan butiran peribadi mereka iaitu nombor telefon kepada M3 Technologies (Asia) Berhad (482772-D) jika HLB anggap wajar untuk tujuan Kempen ini; dan
 - (viii) bersetuju memastikan semua Kad Layak yang diluluskan adalah sah, aktif, berkedudukan baik dan tidak melanggar mana-mana Terma & Syarat Kempen ini, dan/atau Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit sepanjang Tempoh Kempen dan pada masa pemberian Pengecualian Fi Tahunan dan/atau Rebat RM25 dan/atau Pulangan Tunai dan/atau Pemberian dan/atau Bonus BIG Points. Untuk

mengelakkan keraguan, Pulangan Tunai akan dikreditkan ke Kad Layak dengan jumlah transaksi yang paling aktif sebagai akaun pemenuhan utama sekiranya Pemegang Kad Layak memiliki lebih dari satu (1) Kad Layak.

10. HLB berhak:

- (i) melupuskan dan/atau menolak balik Pengecualian Fi Tahunan dan/atau Rebat RM25 dan/atau Pulangan Tunai dan/atau Pemberian dan/atau Bonus BIG Points dalam keadaan apabila berlaku pembalikan Perbelanjaan Runcit atau penamatan Kad Layak semasa tempoh Kempen dan/atau pada masa pemberian Pengecualian Fi Tahunan dan/atau Rebat RM25 dan/atau Pulangan Tunai dan/atau Pemberian dan/atau Bonus BIG Points atau ketidakpatuhan Terma & Syarat di dalam ini;
- (ii) menggantikan Pengecualian Fi Tahunan dan/atau Rebat RM25 dan/atau Pulangan Tunai dan/atau Pemberian dan/atau BIG Points di dalam ini dengan pemberian lain yang sama nilainya dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB atau apa-apa cara lain yang HLB anggap sesuai dengan memberi notis awal kepada Pemegang Kad Utama NTC;
- (iii) menambah, menggugurkan atau meminda Terma & Syarat di dalam ini, secara keseluruhan atau sebahagian, atau menamatkan Kempen ini dengan cara menyiarkan dalam Laman Web HLB, atau dengan apa-apa cara lain yang HLB anggap sesuai, untuk memberi notis awal kepada Pemegang Kad Utama NTC tentang penambahan, pengguguran atau pemindaan Terma & Syarat tersebut atau penamatan Kempen ini; dan
- (iv) menolak kelayakan mana-mana Pemegang Kad Layak dari menerima Fi Tahunan dan/atau Rebat RM25 dan/atau Pulangan Tunai dan/atau Pemberian dan/atau Bonus BIG Points yang tidak tertakluk dalam Terma & Syarat ini, dengan cara yang HLB anggap luar biasa, luar aturan dan/atau membayangkan suatu percubaan untuk mendapat kelebihan tak adil ke atas Pemegang Kad Utama NTC lain yang mempunyai corak perbelanjaan yang biasa/teratur, dan keputusan HLB dalam hal ini adalah muktamad dan termaktub pada semua Pemegang Kad Layak.

11. HLB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan atas kegagalan atau kelewatan penghantaran dan/atau pemprosesan permohonan Kad Layak dan/atau transaksi jualan oleh Visa International Incorporated, MasterCard Worldwide, organisasi Peniaga, penyedia perkhidmatan pos atau mana-mana pihak yang mungkin menyebabkan Pemegang Kad Utama NTC tertinggal daripada menyertai Kempen ini.

12. Selain terma-terma yang dinyatakan di atas ini, Pemegang Kad Utama NTC bersetuju Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit hendaklah dibaca bersama-sama dengan Terma & Syarat di dalam ini sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Sebarang percanggahan antara Terma & Syarat ini dengan Terma dan Syarat Am Perjanjian Pemegang Kad Kredit, maka terma-terma tertentu di atas hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut.

13. Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan antara Terma & Syarat ini berbanding dengan bahan-bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan lain berkaitan atau bersabit dengan

Kempen ini, maka terma dan syarat muktamad seperti dalam Laman Web HLB hendaklah diutamakan.

14. Terma & Syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.
15. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak, begitu juga sebaliknya.